

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

MAKLUMBALAS MENGENAI PENYELENGGARAAN FASILITI DI STESEN-STESEN LRT, MRT DAN MONOREL

KUALA LUMPUR, 15 Oktober 2022 - Rapid Rail Sdn Bhd, selaku operator kepada perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel di Lembah Klang mengambil maklum mengenai kerosakan eskalator dan lif di beberapa stesen rel pada ketika ini. Isu ini sememangnya di dalam perhatian dan tindakan pihak Rapid Rail.

Merujuk kepada ciapan yang dikongsikan oleh pengguna akaun media sosial yang juga dipetik oleh media massa, pihak Rapid Rail ingin memberi kemaskini status penyelenggaraan fasiliti di bawah kendalian kami.

**Kemaskini status eskalator dan lif di stesen-stesen kendalian Rapid Rail adalah seperti berikut
(setakat 14 Oktober 2022)**

	LRT LALUAN AMPANG	LRT LALUAN KELANA JAYA	MRT LALUAN KAJANG	MRT LALUAN PUTRAJAYA	MONOREL	JUMLAH
LIF						
Jumlah Lif	116	90	110	25	21	362
Bilangan lif tidak berfungsi	3	1	-	-	18*	22
Peratusan ketersediaan	97.41%	98.89%	100%	100%	14.26%%	93.92%
ESKALATOR						
Jumlah eskalator	176	157	302	50	22	707
Bilangan eskalator tidak berfungsi	1	3	41	-	4	49
Peratusan ketersediaan	99.43%	98.09%	86.42%	100%	81.81%	93.07%

**Rekabentuk asal stesen monorel dibina tanpa fasiliti lif. Penambahan fasiliti lif ini adalah inisiatif Prasarana untuk memberi kemudahan kepada orang awam. Namun, sebelum projek ini diserahkan, terdapat beberapa kecatatan serta tidak memenuhi piawaian keselamatan. Pihak Prasarana sedang dalam proses bidaan semula bagi menyiapkan projek ini secara keseluruhan. Kerja-kerja sivil akan bermula pada bulan April 2023 dan pemasangan lif secara berperingkat dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2024.*

Kerja-kerja pembaikan eskalator dan lif ini adalah tertakluk kepada penghantaran dan penerimaan alat ganti daripada pihak pembekal di luar negara. Rapid Rail telah dimaklumkan oleh pihak pengilang peralatan asal (“OEM”) bahawa penghantaran alat ganti dari Shanghai, China akan dilakukan secara berperingkat.

Penerimaan kumpulan pertama dijangka pada bulan ini, diikuti penerimaan kumpulan kedua pada pertengahan bulan November manakala penerimaan kumpulan ketiga pada minggu keempat bulan November. Ini melibatkan sejumlah 87 “*handrail*” dan 37 “*stepchain*”. Jangkaan penerimaan adalah seperti berikut: -

- Kumpulan Pertama
 - 6 “*stepchain*” dan panel kawalan dijangka akan sampai pada minggu ke-3 atau minggu ke-4 bulan Oktober dan pemasangan dijangka pada minggu pertama bulan November.
- Kumpulan Kedua
 - 87 “*handrail*” dijangka akan sampai pada pertengahan bulan November. Pemasangan dijangka dapat disiapkan dalam tempoh masa seminggu setelah “*handrail*” diterima oleh pihak Rapid Rail.
- Kumpulan Ketiga
 - 31 “*stepchain*” dijangka akan sampai pada akhir bulan November dan pemasangan dijangka pada minggu pertama bulan Disember.

Sebagai langkah jangka panjang, Rapid Rail telah melaksanakan program *Condition Based Maintenance* (CBM) dimana proses menggantikan komponen yang dinilai akan rosak atau kerap bermasalah akan terus dijalankan tanpa menunggu jangka hayat tamat.

Buat masa ini, berdasarkan konsep CBM, pihak Rapid Rail telah membuat tempahan pesanan sebanyak 192 unit “*handrails*” dan 22 unit “*stepchains*” bagi merangkumi kesemua laluan rel.

Kami akan memaklumkan status pembaikan dan pemasangan fasiliti secara berkala menerusi saluran-saluran media sosial dan media massa. Pihak Rapid Rail memohon maaf diatas kesulitan yang dialami oleh orang ramai.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Rapid Rail Sdn Bhd

1. En Mohd Sofian Hilmi, 019-4601110